

Dr Mahathir akan ke Pulau Pinang sekali lagi

1985

BANDAR SEBERANG JAYA, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, akan berkunjung ke Pulau Pinang sekali lagi esok untuk merasmikan perayaan Hari Peladang dan Nelayan peringkat kebangsaan di Jalan Jelawat, Seberang Jaya di sini.

Jawatankuasa sambutan perayaan mengatur beberapa acara istimewa bagi memeriahkan perasmian

itu. Kira-kira 5,000 petani dari seluruh negara dijangka menyertainya.

Perdana Menteri akan merasmikan Hari Peladang dan Nelayan itu pada jam 9 pagi. Beliau dan isteri akan menerima hadiah dua jenis pokok orkid yang diberi nama "Esosenda Dr Mahathir" dan "Esosenda Dr Siti Hasmah" sempena nama mereka.

Sejumlah 113 gerai disediakan untuk pameran sempena perayaan itu, termasuk 67 gerai untuk jabatan-jabatan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Haji Mohd Shariff Haji Omar, berkata selain pameran sebuah pasar tani yang mempunyai 30 ruang niaga akan dibuka.

Jawatankuasa pengelola juga akan menganjurkan 13 jenis pertandingan peringkat negeri, termasuk pertandingan tanaman terbaik, pekebun kecil terbaik, penanam orkid terbaik, dan pertandingan antara pertubuhan-pertubuhan peladang terbaik, pertandingan gerai cantik serta pertandingan barang kraftangan.

Pemenang-pemenang akan menerima hadiah yang akan disampaikan oleh Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu, di hari penutup pada 19 Ogos.

Di peringkat kebangsaan sebanyak 12 pertandingan akan diadakan, termasuk pertandingan peladang dan nelayan jaya, penternak lembu tenusu terbaik, penternak ayam daging, kambing, ikan air tawar, unit-unit pertubuhan peladang, serta penternak lembu daging terbaik. Pertandingan ini dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).